



LAPORAN LIPUTAN MEDIA

ISNIN / 8 JANUARI 2024

- 1. AUDIT SEMUA PEMEGANG LESEN BERKAITAN PADI DAN BERAS – UTUSAN MALAYSIA**

DISEDIAKAN OLEH:

CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT (MADA)

KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
TARIKH : 7 JANUARI 2024
PERKARA : ISU SEMASA

Audit semua pemegang lesen berkaitan padi dan beras

Dari muka 1

Kartel berkenaan didakwa sudah lama menguasai industri padi negara dan berterusan menindas pe-sawah termasuk mengugut untuk tidak membeli se-mula benih padi jika tidak menggunakan benih padi dikeluarkan mereka. Kartel itu juga dikatakan memo-nopoli lebih 60% pengeluaran beras negara.

KPKM dalam kenyataan balas berkata industri padi dan beras negara dikawal selia oleh Kawalselia Padi dan Beras (KPB) melalui Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522) dan kementerian bertanggungjawab mengawal selia industri itu melalui pelesenan dan penguatkuasaan.

Akta ini membenarkan Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras mengeluarkan lesen dan permit bagi urus niaga padi dan beras meliputi pengilangan, pem-borongan, peruncitan, import atau eksport dan pem-inahan antara negeri.

Kementerian itu berkata ketika ini 39.000 pelbagai lesen seperti borong beras, eksport, import, kilang padi, membeli padi, beras runcit dan kelulusan khas menjual benih padi bagi benih padi sah (BPS) dikeluarkan. Pengeluaran itu menunjukkan tiada kartel atau mafia yang mampu memonopoli industri padi dan be-ras.

Sungguh banyak lesen dikeluarkan untuk negara yang dianggarkan memerlukan 1.8 juta tan beras un-tuk keperluan rakyat. Ketika ini negara hanya mampu memenuhi kira-kira 68% keperluan itu.

Secara logik pengeluaran permit dan lesen akan mengelakkkan monopoli dan kartel. Ia akan menggalak-kan persaingan dan memastikan bekalan tidak terjejas. Kehadiran pemilik permit yang ramai membolehkan pesawah mendapatkan hasil lebih baik.

Cuma masalahnya di Malaysia, terlalu banyak masa lesen atau "approved permit" diberikan kepada golongan yang tidak layak. Contohnya kartel yang melaku-kan tender projek kerajaan.

Satu orang terabit dalam 30 hingga 50 tender. Se-mua nama digunakan daripada isteri kepada anak se-hingga bapak mertua.

Jadi tidak terkejut jika perkara sama berlaku dalam sektor beras dan padi negara. Jika betul atas nama tata kelola dan ketelusan, kementerian harus melakukan audit tahunan semua 39.000 pemegang lesen dan mengesahkan semua aktiviti yang mereka lakukan.

Adakah mereka ada kilang, gudang, kepakanan atau rangkaian untuk beroperasi sebagai pemilik per-mit yang sebenar? Atau mereka ini tidak lebih penerima-permit kerana "kemesraan" dengan orang politik lampau? Perkara sama berlaku dalam permit jualan minyak masak subsidi yang berhadapan ketirisan.

Pemegang permit berkaitan industri beras juga harus menghantar penyata kewangan untuk menun-jukkan jumlah aktiviti yang dilakukan dan ia harus diaudit bagi mengelak mereka mengalibabakan permit yang diberikan kerajaan.

Malaysia memerlukan 1.8 juta tan beras dan bukan 39.000 pelbagai lesen. Lesen tidak menjamin keterja-minan makanan.

Mohamad Azlan Jaafar adalah Pengarang Kumpulan Media Mulia Sdn. Bhd.